



PERUTUSAN DATUK BANDAR

MESYUARAT MAJLIS BIL. 2/2025

21 FEBRUARI 2025 (22 SYA'BAN 1446H)

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Malaysia MADANI dan Salam Petaling Jaya Bandar Paling Bahagia dan Mampan.

1. Alhamdulillah, saya menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama dalam Mesyuarat Majlis pada hari ini.

2. **MBPJ RAIH 4 ANUGERAH BERPRESTIJ MIPPEA 2024**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) terus mengukuhkan reputasinya sebagai perintis pembangunan bandar mampan apabila berjaya merangkul empat (4) anugerah berprestij di Anugerah Kecemerlangan Perancangan 2024 (MIPPEA 24), anjuran Malaysian Institute of Planners (MIP) di Hotel Majestic, Kuala Lumpur pada 24 Januari 2025 yang lalu.

Pencapaian ini mengiktiraf kepimpinan cemerlang MBPJ dalam perancangan bandar, pembangunan mampan dan inovasi teknologi. Berikut adalah senarai empat (4) anugerah yang telah diterima:

- a) **Bronze Award** untuk kategori *Placemaking and Public Space Award* (Government Initiative) bagi projek Toy Library@Flora Damansara.
- b) **Silver Award** untuk kategori *Low Carbon Award* (Building) bagi projek Perpustakaan Komuniti.
- c) **Gold Award** untuk kategori *Community Based Planning Award* bagi projek *Strategic Plan Entrepreneur*.
- d) **Bronze Award** untuk kategori *Smart City Award* (Smart System/Product) bagi projek *From Online Billboard Applications to The Smart I-Billboard System*.

Kejayaan ini mengukuhkan kedudukan MBPJ sebagai bandar raya contoh yang sentiasa komited dalam menggubal dasar dan melaksanakan inisiatif ke arah pembangunan bandar pintar dan mampan. MBPJ beriltizam untuk terus memperkasakan perkhidmatan yang cekap, inovatif dan berkesan bagi memenuhi jangkaan tinggi pemegang taruh serta penduduk di Petaling Jaya.

Dengan pengiktirafan ini, MBPJ bertekad untuk terus menjadi peneraju dalam mencipta perancangan bandar yang progresif serta menyumbang kepada kesejahteraan dan kualiti hidup warga Petaling Jaya.

3. MBPJ MEMACU TRANSFORMASI BANDAR MESRA USIA MENUJU STATUS NEGERI 'SUPER-AGED'.

Negeri Selangor kini berada dalam fasa peralihan demografi dengan populasi yang semakin menua dan diunjurkan mencapai status negeri 'Super-Aged' menjelang tahun 2040. Mendepani cabaran ini, Majlis Bandaraya Petaling Jaya mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan persekitaran mesra usia bagi memastikan kesejahteraan semua lapisan masyarakat, khususnya warga emas.

Rangkaian Global untuk Bandar dan Komuniti Mesra Usia (GNAFCC) telah ditubuhkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 2010 untuk menyatukan bandar, komuniti dan organisasi dari seluruh dunia dengan visi bersama iaitu menjadikan komuniti mereka tempat yang ideal untuk penuaan. Sehingga kini, rangkaian ini mempunyai lebih 1,300 ahli dari 51 negara.

Penyertaan Petaling Jaya dalam GNAFCC mengukuhkan statusnya sebagai salah sebuah bandar raya terkehadapan di Malaysia yang proaktif dalam merancang strategi serta melaksanakan tindakan bagi memberi manfaat kepada komuniti warga emas.

MBPJ juga akan melaksanakan satu kajian penilaian asas berkaitan warga emas di Petaling Jaya. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang komprehensif mengenai demografi dan kadar pertumbuhan warga emas selain meneliti aspek sosioekonomi, kesihatan dan kesejahteraan mereka.

Kajian ini juga akan turut menilai tahap akses sedia ada terhadap perumahan, perkhidmatan kesihatan, kemudahan awam, serta program-program sokongan lain yang sememangnya diperlukan oleh golongan rentan. MBPJ telah melancarkan Pelan Tindakan Warga Emas 2030 pada 17 Mei 2024 yang memberi tumpuan kepada lima bidang fokus utama iaitu **kesihatan, ekonomi, sosial dan keselamatan, pendidikan dan persekitaran.**

MBPJ terus mengorak langkah dalam menyediakan kemudahan mesra usia serta melaksanakan pelbagai inisiatif yang memberi tumpuan kepada kesihatan, keselamatan, penglibatan sosial, dan kesejahteraan warga emas.

Usaha ini seiring dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dan Rancangan Selangor (RS-1) yang menekankan pendekatan menyeluruh untuk memperkasa golongan warga emas. Komitmen ini turut disokong oleh blueprint Petaling Jaya Pintar, Mampan dan Berdayatahan (PJSSR) 2030 di bawah tematik Bandar Inklusif.

4. MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA JALIN KERJASAMA SYARIKAT SWASTA BAGI MEMPERKASA PERKHIDMATAN

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah memeterai perjanjian dengan syarikat swasta, Eden Funerals Sdn. Bhd. bagi pengurusan dan penambahbaikan Krematorium Majlis yang terletak di Jalan 229, Seksyen 22, Petaling Jaya.

Melalui perjanjian ini, Syarikat Eden Funerals Sdn. Bhd. akan menyediakan pengurusan krematorium, *funeral parlour*, serta membina kolumbarium dengan kapasiti 10,000 unit bagi memenuhi keperluan masyarakat setempat.

MBPJ juga ingin memaklumkan kepada orang awam bahawa walaupun operasi dan penyelenggaraan harian akan dilaksanakan oleh syarikat yang dilantik, namun MBPJ masih memantau dan mengawal selia pengurusan fasiliti ini bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan berada pada tahap terbaik.

MBPJ akan memastikan bahawa kadar bayaran bagi perkhidmatan yang disediakan kepada orang awam akan sentiasa dikawal agar berpatutan dan selaras dengan dasar serta garis panduan yang ditetapkan. MBPJ komited dalam menyediakan perkhidmatan pengurusan krematorium yang cekap dan sistematik demi kesejahteraan masyarakat.

5. MBPJ PERKASA EKONOMI PENJAGAAN PETALING JAYA MENUJU KE ARAH BANDAR RAYA INKLUSIF

Sebagai langkah proaktif memperkukuh ekosistem ekonomi penjagaan di peringkat bandar raya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan sokongan Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita & Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Ekonomi Penjagaan (Care Economy) telah menganjurkan Bengkel Pelan Tindakan Ekonomi Penjagaan Petaling Jaya 2025–2030 baru-baru ini.

Bengkel tersebut menghimpunkan peserta yang terdiri daripada pengusaha taska, pusat jagaan kanak-kanak dan Orang Kurang Upaya (OKU), rumah orang tua di Petaling Jaya, serta wakil agensi kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), sektor swasta, syarikat korporat, Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga dan Jabatan Teknikal Majlis.

Inisiatif strategik ini bertujuan menyokong pelaksanaan **Dasar Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor (DEPNS) 2024–2030** yang menekankan pembangunan ekosistem penjagaan yang inklusif, mampan dan responsif terhadap keperluan masyarakat.

Dasar ini memberi tumpuan kepada kesejahteraan kanak-kanak, warga emas dan OKU melalui penyediaan perkhidmatan penjagaan yang berkualiti, selamat, serta mudah diakses.

Malaysia kini sedang berdepan peralihan demografi ke arah masyarakat berusia, yang meningkatkan keperluan perkhidmatan penjagaan. Majoriti kerja penjagaan masih dilakukan secara tidak berbayar oleh wanita, menjadikan ekonomi penjagaan satu keperluan kritikal dalam menjamin kesejahteraan sosial dan ekonomi negara.

Menurut kajian *Institute of Strategic & International Studies (ISIS)* Malaysia, nilai kerja penjagaan tidak berbayar dianggarkan berjumlah RM379 bilion, iaitu sekitar satu perlima daripada sektor perkhidmatan negara. Namun, sistem ekonomi penjagaan di Malaysia masih berdepan cabaran seperti:

- a) Kebergantungan tinggi terhadap penjagaan tidak formal dengan sokongan terhad kepada penjaga;
- b) Ketiadaan aspek penjagaan sosial dalam rangka kerja perlindungan sosial negara;
- c) Kekurangan perkhidmatan penjagaan berkualiti yang menepati keperluan masyarakat;
- d) Perundangan yang belum mencukupi untuk mengawal selia sektor penjagaan dan tenaga kerja;
- e) Persepsi bahawa penjagaan adalah tanggungjawab wanita semata-mata.

Sebagai sebuah bandar raya utama di Selangor, MBPJ komited untuk melaksanakan Pelan Tindakan Ekonomi Penjagaan Petaling Jaya 2025–2030 secara lebih sistematik dan berimpak tinggi. Antara langkah utama yang akan diambil termasuk:

- a) Menambah baik garis panduan bagi memudahcara permohonan dan kelulusan perkhidmatan penjagaan;
- b) Merangka program dan inisiatif untuk menarik lebih banyak pelaburan dalam sektor penjagaan;
- c) Memperkasa tenaga kerja penjagaan melalui latihan dan program sokongan bersesuaian.

Ketika ini, terdapat 147 taska, 108 pusat jagaan kanak-kanak, kebajikan dan OKU, serta 70 rumah orang tua yang beroperasi di Petaling Jaya. Namun, masih terdapat sebahagian daripadanya yang belum

memperoleh kelulusan. MBPJ akan terus bekerjasama dengan agensi berkaitan bagi meningkatkan tahap pematuhan dan memperluaskan akses kepada perkhidmatan penjagaan berkualiti. Pelan tindakan ini juga seiring dengan Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya 2030 dan Pelan Tindakan Bandar Raya Mesra Kanak-Kanak Petaling Jaya 2030. Antara fokus utama termasuk:

- a) Mewujudkan persekitaran mesra warga emas melalui program kesihatan dan kesejahteraan yang menyeluruh;
- b) Menyediakan pusat jagaan kanak-kanak berkualiti dan membangunkan taman permainan yang selamat serta inklusif.

Melalui sinergi antara kerajaan, sektor swasta, NGO dan masyarakat, MBPJ yakin bahawa ekosistem ekonomi penjagaan yang mampan dan inklusif dapat direalisasikan di Petaling Jaya, sekali gus menjadikan bandar raya ini sebagai model dalam penyediaan perkhidmatan penjagaan berkualiti untuk kesejahteraan setiap lapisan masyarakat.

6. BAHAGIA DAN LESTARI 2025

Majlis Bandaraya Petaling Jaya mengorak langkah dalam memperkasa perniagaan tempatan dengan menyediakan 18 lokasi Bazar Ramadhan melibatkan 1,260 petak jualan yang disusun mengikut zon tahun ini. Majlis Taklimat, Cabutan Undi dan Penyerahan Permit, Apron dan Topi Bazar Ramadhan “Bahagia dan Lestari” 2025 telah diadakan pada 5 Februari 2025 yang lalu bertempat di Dewan Banquet, MBPJ.

Bertemakan “**Bahagia dan Lestari**”, MBPJ komited memastikan pengalaman yang lebih selesa, kondusif dan lestari buat semua. Dari aspek Bahagia, pengasingan petak jualan diperkenalkan bagi memberikan keselesaan kepada pengunjung. Transaksi tanpa tunai (cashless) diwajibkan kepada semua usahawan mikro bagi meningkatkan keselamatan dan kemudahan urusan jual beli. MBPJ juga menggalakkan penglibatan usahawan mikro dalam *gig economy* melalui platform digital seperti PLATS, GrabFood, ShopeeFood dan FoodPanda bagi memperluaskan pasaran dan akses pelanggan.

Dari aspek Lestari, MBPJ bekerjasama dengan Eco Lestari bagi mengurangkan pembaziran dan meningkatkan kadar kitar semula. Program seperti Pengasingan Sisa dan *Pocket Program* diperkenalkan bagi menggalakkan inisiatif mesra alam manakala ganjaran akan diberikan kepada usahawan yang mengamalkan amalan perniagaan lestari.

MBPJ akan meneruskan dasar mewajibkan transaksi tanpa tunai di semua Bazar Ramadhan 2025. Langkah ini sejajar dengan hala tuju yang digariskan dalam Belanjawan Selangor 2025 yang memberi penekanan kepada pemerksaan teknologi termasuk *Artificial Intelligence (AI)* serta pembangunan modal insan sebagai pemacu utama kemajuan ekonomi negeri.

Di samping itu, MBPJ turut merangka beberapa inisiatif utama seperti Bakul Bahagiannya Ramadhan@PJ 2025, yang akan mengedarkan lebih makanan dari bazar kepada golongan memerlukan dengan kerjasama pengusaha hotel dan syarikat korporat. Program Kitar Semula Minyak Masak pula diteruskan selepas kejayaan mengumpul 2.5 tan minyak terpakai di 22 lokasi bazar pada 2024.

Kempen Bebas Beg Plastik juga turut diperkenalkan dengan peruntukan berjumlah RM30,000, menawarkan kupon digital bernilai RM15 kepada pengunjung yang menggunakan beg kitar semula di 12 lokasi Bazar Ramadhan terpilih. Kupon digital ini boleh ditebus di semua gerai Bazar Ramadhan di Petaling Jaya.

Sebagai penghargaan, Anugerah Usahawan Mikro 'Bahagia & Lestari' 2025 akan diberikan kepada 20 usahawan terbaik yang bukan sahaja menerima ganjaran wang tunai RM500 malah diberikan keistimewaan memilih petak perniagaan bagi Bazar Ramadhan 2026. Usaha ini adalah sebahagian daripada Pelan Strategik Pembangunan Usahawan 2021-2030, yang menyokong visi *PJ Smart, Sustainable & Resilient 2030* (PJSSR 2030) dalam merealisasikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar yang pintar, mampan dan berdaya tahan.

Hampir 100 orang petugas akan ditugaskan bagi memastikan kelancaran operasi Bazar Ramadhan tahun ini, termasuk pemantauan kebersihan, keselamatan dan pematuhan garis panduan yang ditetapkan. MBPJ berharap inisiatif ini bukan sahaja memperkasakan komuniti setempat,

malah memperkukuh ekosistem perniagaan tempatan ke arah yang lebih progresif dan mampan. Dengan sokongan berterusan daripada semua pihak termasuk peniaga, pengunjung dan rakan strategik, MBPJ yakin Bazar Ramadhan 2025 dapat menjadi platform perniagaan yang lebih inklusif, inovatif, selamat dan mesra alam.

7. MBPJ BUKA KAUNTER BERGERAK EZPAY SEPANJANG FEBRUARI

Majlis Bandaraya Petaling Jaya meneruskan inisiatifnya bagi edisi tahun ini dengan membuka kaunter bergerak Ezpay sepanjang Februari ini sempena Musim Pembayaran Cukai Taksiran Penggal Pertama Tahun 2025. Langkah ini bertujuan memudahkan urusan pembayaran cukai serta mengurangkan kesesakan di kaunter ibu pejabat, terutama pada waktu puncak.

Perkhidmatan kaunter bergerak ini memberikan kemudahan kepada orang awam untuk membuat pembayaran di lokasi berhampiran tanpa perlu ke Ibu Pejabat. Tambahan pula, transaksi boleh dilakukan di luar waktu pejabat menjadikannya lebih fleksibel dan mesra pengguna. Lokasi dan masa kaunter bergerak EZPay sepanjang bulan Februari adalah seperti berikut:

| TARIKH | MASA | LOKASI |
|--|-------------------------------------|---|
| 8 – 9 Februari (Sabtu - Ahad) | 10.00 Pagi – 2.00 Petang | Dataran Pelangi Utama, Jalan Masjid (Berhadapan KK Super Mart, PJU 6A) |
| 15 - 16 Februari (Sabtu - Ahad) | | Jalan Cempaka SD 12/1 (Berhampiran McDonald's Bandar Sri Damansara) |
| 22 -23 Februari (Sabtu - Ahad) | | Jalan SS 25/4 (Berhadapan Balai Raya Tamera, SS 25) |
| 25 Februari (Selasa) | 9.00 Pagi – 12.00 Tengah hari | Jalan SS 6/3 (Simpang Berhadapan KFC) |
| 27-28 Februari (Khamis – Jumaat) | | Jalan Dagang SD 2/1G (Berhadapan Kedai Tayar STH Auto Services Centre) |

Bagi sepanjang bulan Ramadhan pula, bermula pada 2 Mac hingga 30 Mac waktu operasi kaunter dan kios bayaran akan beroperasi masa seperti berikut :

| HARI | LOKASI | WAKTU OPERASI |
|----------------|---|-----------------------|
| Isnin – Jumaat | Kaunter Lobi Ibu Pejabat MBPJ | 8.00 pagi – 4.30 ptg. |
| | Kaunter Lobi Menara MBPJ | 8.00 pagi – 4.00 ptg. |
| | Kaunter Pejabat Cawangan Kota Damansara | 8.00 pagi – 3.30 ptg. |
| | Kios Pejabat Cawangan Kota Damansara | 8.00 pagi – 3.30 ptg. |
| | Kios Pandu Lalu Ibu Pejabat MBPJ | 9.00 pagi – 4.00 ptg. |
| Isnin - Ahad | Kios Ibu Pejabat MBPJ | 7.30 pagi – 9.00 mlm. |
| | Kios Menara MBPJ | 7.30 pagi – 9.00 mlm. |
| | Kios Pasar PJKita @ Sri Damansara | 7.30 pagi – 9.00 mlm. |
| | Kios Pasar Jalan Othman | 7.30 pagi – 9.00 mlm. |

Bagi meningkatkan kemudahan kepada warga Petaling Jaya, MBPJ menggalakkan orang awam untuk membuat semakan menerusi pautan <https://ecukai.mbpj.gov.my/mbpjesimalinbil> atau menghubungi Jabatan Perbendaharaan di talian 03-79563544 sambungan 102, 103, 108 dan 109. Sebagai alternatif, orang awam juga boleh membuat bayaran secara atas talian menggunakan aplikasi ePay@MBPJ. Sebarang maklumat lanjut boleh didapati di laman sesawang rasmi www.mbpj.gov.my atau melalui platform media sosial rasmi MBPJ.

8. MBPJ SUMBANG BAUCAR BELI KEPERLUAN SEKOLAH KEPADA 100 KELUARGA B40

Majlis Bandaraya Petaling Jaya komited dalam memperkasa kebajikan sosial menerusi Program Sumbangan Baucar Beli Belah Jom Kembali Ke Sekolah 2025 yang berlangsung di Pasar Raya Mydin USJ, Subang Jaya tempoh hari.

Inisiatif tahunan ini bertujuan meringankan beban keluarga kurang berkemampuan dalam membuat persiapan menghadapi sesi persekolahan yang bakal tiba. Seramai 100 keluarga daripada golongan B40 yang berdaftar di bawah eKasih menerima baucar bernilai RM300 bagi pembelian kelengkapan sekolah.

Penerima bantuan pada tahun ini juga telah meningkat kepada 100 orang berbanding tahun sebelumnya yang hanya melibatkan 60 keluarga. Sumbangan ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial MBPJ dalam membantu meringankan beban keluarga kurang berkemampuan, khususnya mereka yang mempunyai ramai anak yang masih lagi bersekolah. Kami berharap inisiatif ini dapat memastikan anak-anak mereka mendapat keperluan pendidikan yang mencukupi.

Penganjuran program ini juga diharap dapat membentuk modal insan cemerlang dalam bidang pendidikan dengan memastikan kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah tidak berasa terpinggir akibat kekangan kewangan.

Dalam masa yang sama, MBPJ turut mengambil inisiatif menawarkan perkhidmatan *PJ City Bus 'Shuttle Service'* khas untuk pelajar sekolah di sepanjang Laluan PJ01 dan PJ02. Dua buah bas disediakan dengan waktu operasi jam 6:30 pagi dan 1:00 petang bagi membawa pelajar pergi dan pulang dari sekolah. Selain itu, enam laluan perkhidmatan bas percuma PJ City Bus turut memberi manfaat kepada pelajar sekolah di sekitar Petaling Jaya.

Program ini mencerminkan komitmen MBPJ dalam membantu golongan rentan serta menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan masyarakat sejajar dengan sasaran Kerajaan Negeri melalui Rancangan Selangor Pertama (RS-1) di bawah strategi kedua; Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial. Selain itu, ia turut menyokong agenda Bandar Mesra Kanak-Kanak dengan memastikan hak pendidikan kanak-kanak terpelihara dan dapat diakses oleh semua lapisan masyarakat.

MBPJ akan terus memainkan peranan aktif dalam memperkasa kesejahteraan komuniti menerusi pelbagai program bantuan dan inisiatif kebajikan bagi memastikan kesejahteraan warga Petaling Jaya sentiasa terpelihara.

9. PENGUATKUASAAN PJ WATCH DI PETALING JAYA

Penguatkuasaan Program *PJ Watch* giat diteruskan sepanjang bulan Februari 2025 bagi menangani isu pembuangan sampah haram di sekitar Petaling Jaya. Menerusi program ini, *hotspot* pembuangan sampah haram akan diletakkan *CCTV* bergerak bagi memantau pembuangan sampah haram secara 24 jam.

Di samping itu, anggota penguatkuasa turut ditempatkan di lokasi-lokasi terlibat secara preman bagi melaksanakan pemantauan secara statik dan rondaan berkala. Terdapat 43 lokasi *hotspot* telah dikenalpasti dan 11 daripadanya telah dilengkapi dengan *CCTV* bergerak. Pada tahun 2025 (sehingga 18 Februari 2025), maklumat dan tindakan penguatkuasaan yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

| BIL. | PERKARA | JUMLAH |
|------|---|-------------------|
| 1. | Jumlah Lokasi <i>Hotspot</i> Sampah Haram | 43 Lokasi |
| 2. | Jumlah <i>Hotspot</i> Yang Dilengkapi <i>CCTV</i> Bergerak | 11 Lokasi |
| 3. | Jumlah Penemuan Kes Sampah Haram Melalui <i>CCTV</i> | 12 Individu |
| | | 10 Buah Kenderaan |
| 4. | Jumlah Kompaun Di Bawah UUK Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (MBPJ) 2007 | 75 |
| 5. | Jumlah Tangkapan | 7 Individu |
| | | 1 Buah Kenderaan |

10. OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU BERSAMA RAKAN STRATEGIK MBPJ

Majlis Bandaraya Petaling Jaya meneruskan kolaborasi bersama agensi-agensi rakan strategik bagi memastikan tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas dan efisien dapat diambil. Objektif kolaborasi ini adalah bagi memastikan tindakan dilaksanakan ke atas skop-skop seperti berikut :

- a) Tindakan penguatkuasaan ke atas aktiviti/premis tanpa lesen;
- b) Tindakan penguatkuasaan ke atas premis yang dikendalikan oleh warga asing dan yang menggajikan warga asing tanpa kebenaran;
- c) Menilai tahap kepatuhan pemilik-pemilik perniagaan terhadap syarat-syarat dan garis panduan MBPJ;
- d) Memastikan aspek kesihatan dan kebersihan dititikberatkan oleh pemilik-pemilik perniagaan;
- e) Lain-lain kesalahan dibawah Akta, Enakmen dan Undang-undang Kecil yang digunapakai.

Pada 12 Februari 2025 yang lepas, satu operasi bersepadu telah dilaksanakan oleh MBPJ bersama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Selangor. Hasil operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan adalah seperti berikut :

- a) 17 semakan premis/ aktiviti;
- b) 72 penahanan warga asing;
- c) 3 tindakan sitaan aktiviti tanpa lesen;
- d) 2 penutupan premis perniagaan.

Secara kumulatif, berikut merupakan statistik tindakan penguatkuasaan bersepadu bersama agensi rakan strategik yang telah dilaksanakan pada tahun 2025 (sehingga Februari 2025) :

- a) 9 siri operasi bersepadu bersama JIM dan PDRM;
- b) 94 semakan premis/ aktiviti;
- c) 53 tindakan sitaan aktiviti tanpa lesen;
- d) 215 penahanan warga asing oleh JIM;
- e) 11 tindakan kompaun;
- f) 22 tindakan penutupan premis.

11. PENGUATKUASAAN PELANGGARAN SYARAT WARGA ASING

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menambahbaik dasar sedia ada bagi kesalahan menggunakan perkhidmatan pekerja / pembantu warga asing di premis Majlis. Dasar ini adalah selaras dengan Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) Bil.1/2020. Dasar baru ini akan berkuatkuasa pada 1 Mac 2025 dimana kesalahan pelanggaran syarat menggunakan perkhidmatan pekerja / pembantu warga asing di premis Majlis Bandaraya Petaling Jaya adalah seperti berikut :

a) Kesalahan Pertama :

- Penutupan premis bagi tempoh 1 - 7 hari bergantung kepada penerimaan surat rayuan;

- Pertimbangan akan diberikan dengan syarat peniaga menghantar surat rayuan dan menandatangani Surat Akujanji bagi pematuhan syarat lesen.

b) Kesalahan Kedua :

- Penutupan premis bagi tempoh 14 hari;
- Pertimbangan akan diberikan dengan syarat peniaga menghantar surat rayuan dan menandatangani Surat Akujanji bagi pematuhan syarat lesen.

c) Kesalahan Ketiga:

- Pembatalan lesen.

Majlis menyeru semua pemegang lesen terutama lesen penjaja di premis Majlis antaranya gerai, pasar awam, pasar malam, pasar pagi dan tapak permit sementara penjaja untuk mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis.

Selamat menyambut kedatangan Ramadhan Al-Mubarak buat seluruh umat Islam di Malaysia. Semoga semua ibadah kita dapat dilipatgandakan dan dilaksanakan dengan penuh ketakwaan dan keimanan dan sentiasa mendapat barakah dari Allah SWT.

Salam Ramadhan Kareem.

Sekian, terima kasih.